



Headline: Pekerja swasta rugi RM53,000 ditipu 'pegawai LHDN' Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 28 September 2021

Section: Mahkamah & Jenayah  
Page: 21

## Pekerja swasta rugi RM53,000 ditipu 'pegawai LHDN'

**KEPALA BATAS** - Seorang pekerja swasta kerugian RM53,000 apabila ditipu sindiket yang menyamar sebagai pegawai kerajaan pada 14 September lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, mangsa wanita berusia 40 tahun itu ditipu sindiket tersebut selepas menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang mendakwa dirinya pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).



**NOORZAINY**

Menurut beliau, suspek memberitahu mangsa kononnya ada sebuah syarikat yang didaftarkan atas namanya dan mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM32,800.

"Dalam perbualan telefon itu, mangsa telah menafikan dakwaan suspek namun panggilan itu telah disambungkan kepada seorang individu lain yang mengaku sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka.

"Suspek kemudiannya memberitahu mangsa kononnya ada pihak lain yang telah menggunakan butiran peribadinya dan mangsa diminta membuat bayaran bagi membolehkan siasatan dijalankan," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Noorzainy memberitahu, mangsa yang panik telah mengikut arahan suspek agar tidak memaklumkan perkara tersebut kepada pihak lain.

Jelas beliau, pekerja swasta itu juga diminta membuat pembayaran sebanyak RM53,000 ke tiga nombor akaun yang diberikan suspek.

"Setelah memindahkan wang, mangsa yang merasa curiga telah menceritakan perkara itu kepada rakannya dan menyedari telah ditipu," ujarnya.